KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	UTUSAN MALAYSIA			
TARIKH	:	20/9/2021 (ISNIN)	MUKA SURAT	:	30
JABATAN	:	PERHILITAN			

Buaya tembaga 500kg 'sesat' di laut, dilepaskan di habitat sesuai

UM, 20 Sept 2021 30

GEORGETOWN: Seekor buaya tembaga seberat 500 kilogram (kg) yang ditangkap sekumpulan nelayan di perairan Pantai Bersih, Butterworth dekat sini, Jumaat lalu kemungkinan tersesat daripada habitat asalnya di kawasan sungai daerah Seberang Perai Utara (SPU).

Pengarah Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) negeri, Saat Yaakob berkata, siasatan pihaknya mendapati kebarangkalian Sang Bedal sepanjang 3.7 meter itu mahu mencari kawasan perlindungan baharu di laut ketika dijumpai nelayan.

Pihaknya bagaimanapun melepaskan reptilia itu di lokasi (habitat) yang bersesuaian di negeri ini dan jauh dari penempatan penduduk setempat.

"Kita ke lokasi penemuan buaya tembaga itu kira-kira pukul 8 malam Jumaat lalu sebaik sahaja menerima maklumat daripada Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM).

"Kita juga mendapatkan kerjasama dan bantuan kenderaan agensi itu membawa reptilia tersebut untuk dilepaskan di habitat asal di negeri ini.

"Tempat buaya itu dilepaskan bukanlah lokasi terancam atau berisiko dan memang selamat untuk hidupan dan perlindungannya," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini, semalam.

Dalam pada itu, beliau menolak kemungkinan buaya tembaga yang ditemukan sekumpulan nelayan tersebut adalah reptilia sama yang dijumpai sedang berjemur di atas batu oleh pemancing di Pulau Jerejak dekat sini Ahad lalu dan tular di media sosial.



SAAT YAAKOB

"Ini berikutan saiz buaya yang ditangkap petang kelmarin lebih besar daripada yang dijumpai kaki pancing minggu lalu.

"Susulan penemuan buaya di Pulau Jerejak tempoh hari, kami telah membuat beberapa kali pemantauan namun tidak ditemukan. Tetapi, kita percaya terdapat habitat buaya di kawasan terbabit.

"Kita meminta kerjasama orang ramai supaya menghubungi segera Pejabat Perhilitan negeri sekiranya menemukan kelibat buaya di sungai mahupun laut dan jangan sesekali mengambil tindakan sendiri bimbang sebarang risiko kemalangan berlaku," tambahnya.

Terdahulu, media melaporkan penemuan seekor buaya yang timbul di permukaan air laut kira-kira pukul 6.45 petang Jumaat lalu.

Sekumpulan nelayan yang melihat kehadiran reptilia itu mengambil masa kurang sejam untuk menangkapnya menggunakan pukat sebelum dibawa naik ke darat.



BUAYA tembaga seberat 500 kg yang berjaya ditangkap sekumpulan nelayan di perairan Pantai Bersih, Butterworth, Pulau Pinang, Jumaat lalu dilepaskan di habitat sesuai yang jauh daripada penempatan penduduk.